



Kenyataan Media
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK
(CHILD CARE CENTRES, CCC) SEMASA FASA ENDEMIK BERMULA 10 FEBRUARI 2022**

Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Child Care Centres, CCC) diseluruh negara telah dibenarkan untuk beroperasi semula secara berperingkat-peringkat menurut kadar yang memenuhi nasihat dan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) fasa awal endemik dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 **bermula pada 14 Jamadilakhir 1443 bersamaan 17 Januari 2022.**

Dalam pada itu, dengan berdasarkan kepada nasihat Jawatankuasa Pandu COVID-19, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sukacita memaklumkan mengenai peralihan syarat kemasukan mengikut umur dan kapasiti bagi Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dalam mana, **kanak-kanak yang berumur 1 tahun ke atas adalah dibenarkan dengan kadar 80% kapasiti.** Kebenaran untuk beroperasi pada had kapasiti ini **bermula pada hari Khamis, 9 Rejab 1443 bersamaan 10 Februari 2022.** Walau bagaimanapun kebenaran ini adalah tertakluk kepada kesediaan pusat masing-masing dengan perhubungan bersama pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Sepertimana garis panduan yang sedia ada, kanak-kanak, ibu bapa dan para petugas termasuk petugas bantuan masih dikehendaki untuk menjalani ujian saringan COVID-19 menggunakan *ART* seminggu sekali. Walau bagaimanapun, mereka dibolehkan untuk **melaksanakannya di rumah mulai hari Khamis, 9 Rejab 1443 bersamaan 10 Februari 2022** selaras dengan Kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Sabtu, 4 Rejab 1443 bersamaan 5 Februari 2022 bagi pelajar-pelajar sekolah Tadika. Proses dan tatacara pelaksanaan dan proses laporan ujian sendiri *ART* ini akan dimaklumkan kepada para ibu bapa dan kanak-kanak oleh Pusat Penjagaan Kanak-Kanak masing-masing.

Sehubungan dengan ini, sukacita diingatkan bahawa garis panduan serta Prosedur Operasi Standard (*SOP*) lain yang sedia ada adalah dikekalkan bagi menjaga keselamatan kanak-kanak, ibu bapa dan para petugas Pusat Penjagaan Kanak-Kanak seperti pemasangan *HEPA Filter*; pemakaian *partial PPE* bagi petugas; pemakaian sungkup muka (*face mask*) bagi kanak-kanak dan aktiviti yang dihadkan kepada penjagaan sahaja. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM akan sentiasa memantau pusat-pusat berkenaan dalam mematuhi *SOP* yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan itu, dikongsikan bahawa setakat hari ini, seramai 247 kanak-kanak telah didaftarkan secara keseluruhan di Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di seluruh negara. Daripada 46 Pusat yang terdaftar, 25 Pusat Penjagaan Kanak-Kanak sedang beroperasi pada ketika ini. Alhamdulillah, hasil pemantauan ke atas Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak, turut didapati semua adalah negatif dalam ujian *ART* yang dilaksanakan.

Sebelum mengakhiri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merakamkan penghargaan kepada para ibu bapa, penjaga dan khususnya warga Pusat-Pusat Penjagaan Kanak-Kanak atas kerjasama yang telah diberikan dalam mematuhi *SOP* dan Garis Panduan sejak pembukaan semula fasiliti dibawah Fasa Awal Endemik Fasa sehingga sekarang. Kerjasama dalam mematuhi *SOP* dan Garis Panduan hendaklah terus dikekalkan dalam kitani menghindari risiko jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis panduan yang terperinci yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang www.kkbs.gov.bn atau www.jpm.gov.bn.

Marilah kita terus berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa mengurniakan kita dengan kerahmatan, perlindungan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan.

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
E-mel: Info@kkbs.gov.bn
Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn Instagram: @kkbs_brunei
Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- TAMAT -